

<b>Headline</b>	<b>Kedah Sasar 30 Pingat</b>		
<b>Date</b>	<b>02. May 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>29</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Article Size</b>	<b>104 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



**PARALIMPIAD**

## Kedah sasar 30 pingat

ALOR STAR - Kedah mahu memecahkan monopoli tiga pasukan terkuat Sukan Paralimpik Malaysia dengan men-sasarkan 30 pingat emas pada temasya sukan itu bermula Ahad hingga 9 Mei ini.

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Kedah, Abdul Aziz Abdul Hamid berkata, kontinjen Kedah seramai 106 atlet dan 42 pegawai yakin dapat memecahkan pengusaan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang pada temasya kali ke-14 itu.

Katanya, walaupun cuma menyertai 10 daripada 13 acara yang dipertandingkan, Kedah yakin merangkul pingat emas melalui acara olahraga, renang, ping pong, boling padang, sepak takraw, angkat berat, badminton dan boccia.

"Dengan diperkuatkan oleh lima lima atlet paralimpik kebangsaan, saya yakin Kedah akan menduduki dalam kelompok tiga pasukan teratas," katanya kepada pemberita selepas menyeraikan bendera negeri kepada kontinjen Kedah ke kejohanan itu di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menolak Perak antara pasukan yang bakal memberi saingan sengit kepada 14 pasukan lain dari seluruh negara yang menyertai kejohanan itu.

Sukan anjuran bersama Majlis Paralimpik Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan itu akan berlangsung di beberapa gelanggang sekitar Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia dan venue utama Stadium Nasional Bukit Jalil manakala acara perahu layar di Port Dickson.

- Bernama